

01 AUG 1997

PENGURUS BESAR BARU PELABUHAN KLANG AKAN DILANTIK MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Pengurus besar baru Lembaga Pelabuhan Klang (KPA) akan diketahui minggu depan, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata hari ini.

Beliau berkata beliau telah "meluluskan nama calon untuk menggantikan Datuk M Rajasingam, dengan persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

Bagaimanapun, terdapat beberapa masalah teknikal yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pengumuman itu boleh dibuat, kata Dr Ling.

"Nama itu telah melalui lembaga kenaikan pangkat dan saya diberitahu supaya menunggu seminggu atau 10 hari lagi sebelum membuat pengumuman," beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri upacara penyampaian ijazah Kolej Tunku Abdul Rahman, di sini.

Rajasingam, yang telah berkhidmat dengan KPA dalam beberapa jawatan selama 32 tahun, kini sedang bercuti tiga bulan sebelum persaraannya pada 6 Nov.

Mengenai penubuhan sebuah pusat pengedaran di Iran, Dr Ling berkata beliau akan mempengerusikan satu dialog antara Kementerian Jalan Raya, Darat dan Pengangkutan Iran, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) pada hari Isnin mengenai perkara itu.

"Memandangkan mereka (rombongan Iran) berada di sini, lebih baik kita bergerak secepat yang kita boleh mengenai penubuhan pusat pengedaran itu," katanya.

Menteri itu berkata dialog itu akan membolehkan kerajaan Iran mengetahui keperluan-keperluan para pengeluar dan pengeksport Malaysia, seperti kemudahan-kemudahan dan kawasan tanah, untuk memudahkan pegerakan barangan yang licin.

Katanya para peniaga Malaysia juga akan dapat mengetahui bagaimana mengendalikan pusat pengedaran di Iran oleh kerana "peraturan dan undang-undang untuk menjalankan perniagaan antara negara-negara adalah tidak serupa."

Pusat pengedaran itu akan menjadi landasan atau pintu masuk bagi pengeksportan barangan Malaysia ke Iran dan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS)

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membolehkan Malaysia menubuhkan pusat itu dalam satu daripada pelabuhan Iran yang dijadual ditandatangani pada 5 Ogos. -- BERNAMA

MT OS/sia